

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT AGUNG KE ENAM 1983/84
Lokasi : RUMAH MALAYSIA
Tarikh : 08-06-1983

Yang Amat Berbahagia Datin Maria Musa, Naib Yang Di Pertua BAKTI;

Saudari-saudari dan saudara yang saya hormati.

Sekali lagi saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana telah selamat sempurna Perasmian Mesyuarat Agung ke enam sebentar tadi. Saya tidak mahu mengulangi laporan saya melainkan mengingati saudari-saudari dan saya sendiri akan maksud kita berkumpul pada petang ini.

2. Kita semua berkumpul untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sebagai ahli BAKTI. Tujuan-tujuan BAKTI telah kita semua ketahui dan oleh itu penyertaan ahli-ahli amatlah penting untuk mendapat faedah bersama. Selaku Yang Di Pertua BAKTI, saya seringkali berasa kecewa dan dukacita melihat sebahagian ahli-ahli yang tidak mengambil perhatian langsung terhadap tujuan-tujuan BAKTI, malahan berdiam diri dan tidak ingin bermesra dengan ahli-ahli yang lain. Apabila dijemput, seringkali tidak hadir dan ada pula yang menganggap BAKTI ini untuk isteri Menteri-Menteri sahaja.

3. Sikap tidak mahu bermesra, tidak mahu bersama bertugas dan beramal bakti adalah sikap yang tidak sihat, terutamanya jika ini didapati dalam golongan isteri pemimpin-pemimpin negara. Saya ingin memperingatkan kembali sebab utama BAKTI diwujudkan. Penaja ulung bakti, YAB Toh Puan Suhailah ada bersama kita dan beliau adalah yang memperingati kita semua bahawa, jika tidak kerana rakyat memilih suami kita sebagai Ahli Parlimen, kita tidak akan menjadi isteri Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen ataupun Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Soal yang timbul selepas itu ialah apakah sumbangan balas isteri-isteri pemimpin negara kepada rakyat? Jawapannya ialah BAKTI ujud pada 16hb. Mei, 1977 dan didaftarkan pada 23hb. Mei, 1977.

Saudari-saudari sekalian,

4. BAKTI ujud untuk semua ahli-ahlinya dan bukan untuk isteri PM, isteri TPM atau sesiapa. Dalam BAKTI, tidak patut ada perbezaan pangkat, fahaman politik dan tidak ada berpuak-puak kiri-kanan, depan-belakang. Tujuan kita adalah sama iaitu untuk bermesra dan berkenalan dengan ahli-ahli, mengetahui hal-ehwal dalam negara dan bersama-sama beramal bakti untuk rakyat yang kurang bernasib baik. Dengan secara ini, kita akan dapat sedikit-sebanyak menyumbang balas sokongan rakyat terhadap suami kita. Sebagai isteri kepada pemimpin negara, saudari-saudari adalah pemimpin wanita dan isteri di dalam Kementerian masing-masing. Oleh itu, haruslah kita mengetahui cara-cara bermesra, berbincang, serta berbakti supaya kita yakin memimpin golongan wanita dan isteri-isteri yang lain.

Saudari-saudari yang saya hormati,

5. Pimpinan melalui teladan adalah cogankata Kerajaan sekarang. Kita sebagai isteri-isteri perlu juga mengikuti cogankata ini. BAKTI adalah satu tempat yang boleh kita latih diri kita sendiri. Dengan adanya sekarang Ahli-Ahli Bersekutu, yang sebahagian besarnya berpengalaman banyak sebagai isteri

pemimpin terdahulu dari kita, saya harap kita akan bersama-sama belajar bagaimana pentingnya kemesraan, perbincangan, menyertai kegiatan-kegiatan BAKTI dan beramal bakti.

6. Dengan perhatian rapi dari saudara-saudari dan kerjasama yang erat, marilah kita bersama-sama sempurnakan Mesyuarat Agung ini dengan licin dan teratur supaya kita dapat balik sebelum jam 6.30 petang. Saya ingin mendapat beberapa cadangan yang baik dari para hadirin supaya BAKTI akan bertambah maju dan sentiasa berbakti.

7. Sekian, terima kasih, dan saya sekarang mulakan mesyuarat ini dengan agenda yang kedua.